Buletin

# Malawati

"Usaha Untuk Rakyat"

Majlis Daerah Kuala Selangor www.mdks.gov.my

September-Disember 2020



## MAJLIS MENANDATANGANI

## MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR DAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

## 23 DISEMBER 2020

Dialog Bajet 2021 Majlis Daerah Kuala Selangor 3

Operasi Bersepadu Lembu, Kambing Dan Kerbau Terbiar 9

Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Baharu 13

Naskah Percuma

Kuala Selangor Indah dan Bersejarah

# Aktiviti MDKS
September - Disember 2020

## SEPTEMBER
- Lawatan Kerja Universiti Putra Malaysia UPM
- Operasi Sampah Haram Kg. Seri Sentosa
- Lawatan Kerja Universiti Teknologi MARA UiTM
- Dialog Bajet 2021 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Taklimat Pelaksanaan Banci Malaysia 2020 dan Pengisian e-Census kepada Warga Kerja Majlis Daerah Kuala Selangor
- Kursus Pengurusan Perolehan Majlis Daerah Kuala Selangor 2020
- Mesyuarat Agung Kali ke-29 Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Kuala Selangor Sesi 2020-2022
- Sesi Bergambar YDP MDKS bersama Papan Tanda MEKDI
- Proses Pendengaran Bantahan Cukai Taksiran
- Kem Motivasi Remaja "Zero To Hero" Majlis Daerah Kuala Selangor 2020
- Taklimat Pengurusan Kewangan dan Kesan Pelanjutan Moratorium oleh AKPK
- Lawatan Kerja Klang Specialist Hospital (KPJ) ke Majlis Daerah Kuala Selangor
- Kunjungan Hormat Bahagian Industri, Komuniti, Alumni dan Keusahawanan (iCARE) Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke Majlis Daerah Kuala Selangor
- Taklimat Penyelia Banci
- Rancangan Pra Insiden Kebakaran bersama Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Selangor
- Program Siri Promosi Dalam Negara "Jelajah Persona Selangor 2020 – Edisi Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu" di Terengganu
- Perasmian dan Penyerahan Lantikan Akrab bagi Pembangunan Kompetensi
- Operasi Premis Warga Asing Sekitar Puncak Alam
- Operasi Bersepadu Lembu, Kambing dan Kerbau Terbiar
- Konservasi Sayangi Sungai Selangor Bersempena Dengan Sambutan "World Cleanup Day 2020" dan "World Rivers Day 2020"
- Mesyuarat Majlis Bil.8/2020 dan Mesyuarat Ketua Jabatan Bil.11/2020 serta Lawatan ke Produk Pelancongan Langkawi
- Lawatan Kerja Rasmi Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor ke Bukit Malawati
- Lawatan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Selangor ke Bukit Malawati

## OKTOBER
- Kerja-Kerja Pemotongan Meter Elektrik di Kilang Baja
- Lawatan Pemantauan Aduan Tumpahan Minyak di Batu 22 Jalan Kuala Selangor Ijok
- Lawatan Pemantauan Pencemaran di Bestari Jaya
- Program Tanggungjawab Sosial Korporat Gas Malaysia di Taman Alam Kuala Selangor
- Operasi Nyahkuman Ibu Pejabat Majlis Daerah Kuala Selangor
- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Bandar Kuala Selangor
- Majlis Angkat Sumpah Ahli Majlis Baharu
- Operasi Nyahkuman Kawasan Perniagaan Saujana Utama

## NOVEMBER
- Operasi Lembu Liar di Kawasan Bestari Jaya, Ijok, Jeram dan Desa Coalfield
- Majlis Sumbangan Khas kepada Pendayung Sampan Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan
- Operasi Premis Tomyam Kawasan Puncak Alam
- Operasi Premis Tomyam di Kawasan Ijok dan Tanjong Karang
- Sesi Percubaan "Go Kart" di Litar Rakyat Kuala Selangor

## DISEMBER
- Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Pendengaran Awam Deraf Rancangan Kawasan Khas Bandar Malawati Kuala Selangor 2025
- Operasi Tomyam Siri 3 di Bestari Jaya, Ijok dan Desa Coalfield
- Hari Bertemu Pelanggan Secara Maya Majlis Daerah Kuala Selangor 2020
- Operasi Tomyam Siri 4 di Saujana Utama
- Penyerahan Kamera Badan kepada Jabatan Penguatkuasaan
- Lawatan Tapak Pasar oleh YB Ng Sze Han di Bestari Jaya dan Penyerahan Permit Penjaja Hadapan Tesco
- Sambutan Hari Antirasuah Antarabangsa (HARA) 2020
- Operasi Makanan Laut di Pasir Penambang
- Majlis Penyerahan Sumbangan Pendayung Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan
- Hari Bersama Media 2020
- Operasi Kenderaan Berat di Puncak Alam, Saujana Utama dan Desa Coalfield
- Majlis Penutup Program Pementoran 2020 dan Perasmian Program Pementoran 2021 Majlis Daerah Kuala Selangor
- Mesyuarat Majlis Bil. 11/2020 dan Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan dan Cenderahati kepada Ahli Majlis Sesi 2018-2020
- Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) MDKS dan UiTM

## Sidang Redaksi
# BULETIN MALAWATI

**Penaung**
Puan Rahilah binti Rahmat *AMS,*
ydp@mdks.gov.my

**Penasihat**
Tuan Azman bin Dahlan *AIS, PPT,*
azmandahlan@mdks.gov.my

**Editor**
Puan Norrini binti Mohd Ladzim
norrini@mdks.gov.my

**Pengarang**
Encik Aliff Amani bin Jumeren
aliff@mdks.gov.my

**Penolong Pengarang**
Encik Hisyamuddin bin Zakaria
hisyamuddin@mdks.gov.my

**Jurufoto, Rekabentuk dan Susunan**
Encik Norirwan Sahril bin Mohmed Mogi
irwanshah@mdks.gov.my

**Diterbitkan Oleh**
Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Selangor

**Diterbitkan Untuk**

Majlis Daerah Kuala Selangor
Jalan Majlis 45000 Kuala Selangor
Tel : 03-3289 1439 Fax : 03-3289 1101
Web : www.mdks.gov.my

# DIALOG BAJET 2021

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

**7-8 SEPTEMBER 2020**

Dialog Bajet 2021 Majlis Daerah Kuala Selangor di Hotel Grand Ion Delemen pada 7 dan 8 September 2020. Dialog Bajet ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Negeri dan Ahli Majlis mengenai Bajet MDKS tahun 2021 agar bertepatan ke arah Pembangunan Bestari dan Lestari.

Kehadiran program ini melibatkan Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor dan Yang Berhormat Puan Rozana binti Zainal Abidin, ADUN Permatang.





Sumber : Jabatan Perbendaharaan

# TAKLIMAT PELAKSANAAN BANCI MALAYSIA 2020 DAN PENGISIAN e-CENSUS KEPADA WARGA KERJA MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

**7 SEPTEMBER 2020**











Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# KURSUS PENGURUSAN PEROLEHAN

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2020

10-12 September 2020







Sumber : Unit Audit Dalam

# MESYUARAT AGUNG KALI KE-29

## KELAB SUKAN KEBAJIKAN DAN REKREASI MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR SESI 2020-2022

**14 September 2020**

Mesyuarat Agung kali ke 29 Kelab Sukan Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Kuala Selangor sesi 2020-2022 telah diadakan pada 14 September 2020 bertempat di Dewan Sri Siantan, MDKS.

Pada mesyuarat tersebut telah diadakan pemilihan Ahli Jawatankuasa yang baharu untuk sesi 2020–2022. Setelah kiraan dijalankan, Encik Lokman bin Ujang, Penolong Pegawai Penguatkuasa MDKS telah mendapat undian majoriti untuk jawatan Presiden KSKR.

Barisan kepimpinan baharu ini diharap dapat memajukan aktiviti sukan, kebajikan, agama, sahsiah dan sosial / kebudayaan ahli-ahlinya. Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada Mantan Presiden KSKR, Puan Liliana binti Ahmad, Pegawai Kewangan MDKS.






Sumber : Kelab Sukan, Kebajikan Dan Rekreasi MDKS

# SESI BERGAMBAR YDP MDKS
## BERSAMA PAPAN TANDA MEKDI

**14 September 2020**

Pihak McDonald's Kuala Selangor telah menjemput Yang Dipertua MDKS untuk sesi bergambar bersama papan tanda MEKDI pada 14 September 2020.

McDonald's Kuala Selangor adalah antara penerima undi tertinggi di Malaysia dan satu-satunya penerima papan tanda MEKDI di Selangor. McDonald's Malaysia membawakan semula Mekdi di 16 restoran terpilih seluruh negara sehingga 16 September ini.

Ia dibawakan sempena sambutan Hari Kebangsaan, Hari Malaysia dan ulang tahun ke-38 McDonald's Malaysia. Papan tanda Mekdi merupakan singkatan panggilan tempatan untuk McDonald's dan kempen berkenaan diadakan bagi menzahirkan jiwa Malaysia.




Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## PROSES PENDENGARAN BANTAHAN CUKAI TAKSIRAN

**15 September 2020**







Sumber : Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta

# KEM MOTIVASI REMAJA “ZERO TO HERO”

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2020 17-19 September 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menganjurkan Kem Motivasi Remaja “Zero to Hero” MDKS 2020 pada 17 hingga 19 September 2020 di Kem Lambaian Danau, Jasin, Melaka.

Aktiviti ini merupakan acara tahunan yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKS yang melibatkan 35 belia wanita Daerah Kuala Selangor terdiri daripada pelajar STDC (Inpens) dan INTRA International College.

Peserta telah melalui pelbagai aktiviti lasak seperti Extreme Running Man, Water Confidence, Bridge Jumping, War Game dan Survival Skill. Program tahunan ini telah berjaya mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan pelajar berbilang kaum melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa program ini.








Sumber : Jabatan Pembangunan Masyarakat

## KUNJUNGAN HORMAT BAHAGIAN INDUSTRI, KOMUNITI, ALUMNI DAN KEUSAHAWANAN (iCARE) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) KE MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

21 September 2020



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# TAKLIMAT PENYELIA BANCI

**21-25 September 2020**









Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# LAWATAN KERJA KPJ KLANG SPECIALIST HOSPITAL KE MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

**21 September 2020**







Sumber : Jabatan Pelesenan

# PROGRAM SIRI PROMOSI DALAM NEGARA
## "JELAJAH PERSONA SELANGOR 2020 – EDISI NAK BERCUTI? PUSING SELANGOR DULU" DI TERENGGANU
**21-23 September 2020**

Pada 21 September, Jelajah Persona Selangor 2020 Edisi "Nak Bercuti? Pusing Selangor Dulu! - Siri Terengganu telah berlangsung dengan jayanya di Duyong Marina & Resort.

MDKS mengambil peluang untuk turut serta dalam siri promosi produk pelancongan daerah Kuala Selangor dan diharap dapat memberi limpahan ekonomi kepada warga tempatan dalam sektor pelancongan.






Sumber : Unit Pelancongan

# RANCANGAN PRA INSIDEN KEBAKARAN BERSAMA
## BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT KUALA SELANGOR
**23 September 2020**









Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# OPERASI PREMIS WARGA ASING

## SEKITAR PUNCAK ALAM 23 September 2020




Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# OPERASI BERSEPADU LEMBU, KAMBING DAN KERBAU TERBIAR

## 24 September 2020

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang memasuki kawasan laluan awam serta perumahan pada 24 September 2020.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Sebanyak tiga (3) ekor kambing telah berjaya di tangkap di Bestari Jaya di bawah Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan lembu berkeliaran tanpa kawalan dan denda tidak lebih RM 1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dua belas bulan.

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor dan Jabatan Veterinar Kuala Selangor melibatkan sejumlah 30 orang anggota.





Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# MESYUARAT MAJLIS BIL.8/2020 DAN MESYUARAT KETUA JABATAN BIL.11/2020 SERTA LAWATAN KE PRODUK PELANCONGAN LANGKAWI

27-29 September 2020









Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# LAWATAN KERJA RASMI PENGARAH JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA SELANGOR KE BUKIT MALAWATI

30 September 2020









Sumber : Unit Pelancongan

# LAWATAN PEMANTAUAN ADUAN TUMPAHAN MINYAK DI BATU 22 JALAN KUALA SELANGOR IJOK

7 Oktober 2020








Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# LAWATAN PEMANTAUAN PENCEMARAN DI BESTARI JAYA

8 Oktober 2020






Sumber : Jabatan Kesihatan dan Persekitaran

# PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT GAS MALAYSIA DI TAMAN ALAM KUALA SELANGOR

**8 Oktober 2020**

Menyedari kepentingan pokok bakau dalam ekosistem alam semulajadi, Gas Malaysia Berhad (Gas Malaysia) mengambil inisiatif menanam 300 batang pokok jenis Rhizophora Mucronata di Taman Alam Kuala Selangor.

Seramai 40 kakitangan Gas Malaysia menyertai program tanaman pokok bakau ini. Aktiviti menanam pokok tersebut adalah salah satu teras dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Gas Malaysia.



Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# OPERASI NYAHKUMAN IBU PEJABAT MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

**20 Oktober 2020**







Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# OPERASI NYAHKUMAN KAWASAN PERNIAGAAN BANDAR KUALA SELANGOR

**21 Oktober 2020**





Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# MAJLIS ANGKAT SUMPAH AHLI MAJLIS BAHARU

**28 Oktober 2020**

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menerima enam (6) ahli baharu untuk mengisi jawatan sebagai Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Selangor menerusi Majlis Angkat Sumpah yang diadakan di Bilik Mesyuarat Malawati, Ibu pejabat MDKS pada 28 Oktober 2020.

Mereka yang dilantik ialah Encik Mohd Jaferi bin Manan, Encik Mohd Ma'rof bin Salaman, Encik Helmi bin Sanusi, Encik Lee Lih Perng dan Encik Norman Naim bin Muhamad Rani serta Encik Daim bin Haji Yassin.

MDKS merakamkan ucapan tahniah kepada mereka yang telah dilantik dan diharapkan dapat meneruskan kesinambungan perkhidmatan Ahli Majlis terdahulu serta membina hubungan yang baik dengan semua pihak terutama kepada warga Kuala Selangor.












Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# OPERASI NYAHKUMAN KAWASAN PERNIAGAAN SAUJANA UTAMA

**29 Oktober 2020**






Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# OPERASI LEMBU LIAR DI KAWASAN BESTARI JAYA, IJOK, JERAM DAN DESA COALFIELD

**5 November 2020**

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) telah menjalankan operasi pemantauan dan penangkapan haiwan ternakan yang memasuki kawasan laluan awam dan perumahan pada 5 November 2020.

Operasi ini dijalankan di sekitar kawasan Bestari Jaya, Ijok dan Jeram. Sebanyak tiga (3) ekor kambing telah berjaya ditangkap di Bestari Jaya di bawah Seksyen 5 (1) Enakmen Mengawal Lembu-Kerbau 1971 kerana membiarkan lembu berkeliaran tanpa kawalan dan denda tidak lebih RM 1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak lebih dua belas bulan.

Operasi ini dijalankan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Selangor melibatkan sejumlah 22 orang anggota.









Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# MAJLIS SUMBANGAN KHAS KEPADA PENDAYUNG SAMPAN SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN

**12 November 2020**

Kesan terhadap peningkatan penularan kes Covid-19 ini. ianya menjejaskan sektor ekonomi lebih-lebih lagi kepada kumpulan pendayung yang menjadi nadi utama dalam sektor pelancongan kelip-kelip di Kampung Kuantan.

Justeru itu, pihak Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) mengambil inisiatif dan sebagai tanda keprihatinan, pihak MDKS meneruskan sumbangan khas secara "One Off" kepada kumpulan pendayung bagi meringankan beban dan yang kehilangan punca pendapatan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula Mac 2020.



Sumber : Unit Pelancongan

# OPERASI PREMIS TOMYAM KAWASAN PUNCAK ALAM

**12 November 2020**









Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# OPERASI PREMIS TOMYAM

## DI KAWASAN IJOK DAN TANJONG KARANG

18 November 2020









Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# SESI PERCUBAAN GO KART

## DI LITAR RAKYAT KUALA SELANGOR

27 November 2020

Setiausaha MDKS, Tuan Azman bin Dahlan telah melakukan sesi percubaan aktiviti Go-Kart di Litar Lumba Rakyat Kuala Selangor. Aktiviti Go-Kart merupakan tarikan terbaru di litar ini yang telah siap sepenuhnya untuk penggunaan awam.

Pembangunan litar ini lengkap dengan pentas utama, pembahagi jalan lengkap aspek keselamatan, sesuai untuk siri kejohanan permotoran profesional. Litar ini dipuji antara litar terbaik oleh kebanyakan pelumba dan turut diuji oleh pelumba MotoGP negara, Hafizh Syahrin Abdullah.





Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# MESYUARAT JAWATANKUASA SIASATAN PENDENGARAN AWAM DERAF RANCANGAN KAWASAN KHAS BANDAR MALAWATI KUALA SELANGOR 2025

1 Disember 2020







*Sumber* : Jabatan Perancangan Pembangunan

# OPERASI TOMYAM SIRI 3

## DI BESTARI JAYA, IJOK DAN DESA COALFIELD

1 Disember 2020







*Sumber* : Jabatan Penguatkuasaan

# HARI BERTEMU PELANGGAN SECARA MAYA

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR 2020

**1 - 2 Disember 2020**

Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan Secara Maya melalui saluran rasmi Facebook MDKS pada 1 dan 2 Disember 2020.

Program yang diadakan ini adalah menepati kebiasaan baharu (new normal) di dalam penganjuran aktiviti rasmi MDKS. MDKS turut mengucapkan ribuan terima kasih kapada warga Kuala Selangor yang turut serta memberi pandangan di dalam program ini dan ucapan tahniah kepada pemenang cabutan bertuah.








Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

**Zulkarnain Abdul Aziz**
Terima kasih dan tahniah kepada mdks kerana sentiasa cepat brtindak dalam menangi komplen awam..contoh masalah anjing dipasar awam pasir penambang telah dipsang pagar sekeliling dan masalah kesesakan laluan didepan tesco telah ditangani dgn membenarkan beniaga disebelah laluan sahaja..sekian terima kasih

2w Like Reply See response 3

# OPERASI TOMYAM SIRI 4 DI SAUJANA UTAMA

**3 Disember 2020**









Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# PENYERAHAN KAMERA BADAN
## KEPADA JABATAN PENGUATKUASAAN 3 Disember 2020

Bagi meningkatkan integriti MDKS dan mengekang salah laku anggotanya ketika berurusan dengan orang ramai sebanyak lima kamera badan telah diguna pakai pada masa ini sebagai perintis dan akan memperluaskan penggunaannya pada masa akan datang.

Penggunaan kamera badan juga diharap dapat meningkatkan kecekapan tugasan dan membantu menangkis salah anggap, kepada anggota penguatkuasa.





Sumber : Jabatan Penguatkuasaan

# LAWATAN TAPAK PASAR OLEH YB NG SZE HAN
## DI BESTARI JAYA DAN PENYERAHAN PERMIT PENJAJA HADAPAN TESCO 8 Disember 2020

Yang Berhormat, Tuan Ng Sze Han, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru telah mengadakan lawatan kerja ke daerah Kuala Selangor pada 8 Disember 2020.

Beliau telah berkesempatan meninjau projek Medan Selera Bestari Jaya yang sedang dibangunkan dan menyampaikan permit kebenaran berniaga kepada penjaja hadapan Tesco Kuala Selangor.











Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

"Usaha untuk rakyat"

# SAMBUTAN HARI ANTIRASUAH ANTARABANGSA (HARA) 2020

**9 Disember 2020**

Sambutan Hari Anti Rasuah Antarabangsa (HARA) 2020 Peringkat MDKS pada 9 Disember 2020 yang dianjurkan SPRM dengan kerjasama MDKS. Program ini yang dilaksanakan secara maya dihadiri Puan Rahilah binti Rahmat, Yang Dipertua MDKS.

MDKS mengucapkan terima kasih kepada SPRM kerana telah memilih MDKS sebagai salah satu agensi untuk pelaksanaan Pelancaran Sambutan HARA pada tahun ini sesuai dengan tema pada tahun ini iaitu 'PBT Perangi Pemberi Rasuah'. PBT dipilih selaras dengan usaha SPRM membanteras kegiatan rasuah di semua peringkat.













Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# OPERASI MAKANAN LAUT DI PASIR PENAMBANG

**10 Disember 2020**












Sumber : Jabatan Kesihatan Dan Persekitaran

# MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PENDAYUNG SANTUARI KELIP-KELIP KG. KUANTAN

17 Disember 2020

Seramai 36 pendayung sampan di Pusat Santuari Kelip-Kelip Kampung Kuantan, Kuala Selangor yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19 menerima sumbangan berjumlah RM25,500 daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Sumbangan disampaikan Pengurus Besar (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Omar Sidek di Dewan Siantan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS). Turut hadir, Yang Dipertua MDKS, Rahilah Rahmat.



Sumber : Unit Pelancongan

# HARI BERSAMA MEDIA 2020

17 Disember 2020

Hubungan baik pengamal media dengan Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) dieratkan lagi melalui penganjuran Hari Bersama Media yang dijalankan melalui aktiviti ziarah dan penyampaian cenderahati.

MDKS turut merakamkan ucapan terima kasih dan semoga kerjasama selama ini dapat diteruskan pada tahun yang mendatang.













Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

# MAJLIS PENUTUP PROGRAM PEMENTORAN 2020 DAN PERASMIAN PROGRAM PEMENTORAN 2021

## MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR

17 Disember 2020






Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# MESYUARAT MAJLIS BIL. 11 / 2020 DAN

## DAN MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL PENGHARGAAN AHLI MAJLIS SESI 2018-2020

23 Disember 2020






Sumber : Jabatan Khidmat Pengurusan

# MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU) MDKS DAN UiTM

**23 Disember 2020**

Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi menjalinkan persefahaman mengenai kolaborasi untuk melaksanakan program serta aktiviti yang memberi manfaat kepada dua belah pihak khususnya melalui bidang akademik, kebudayaan, penyelidikan, inovasi dan pelancongan sekaligus menjadikan Kuala Selangor sebuah bandar yang mampu mengekalkan kelestarian dalam pembangunan sosial, ekonomi dan fizikal.

Memorandum Persefahaman ini telah ditandatangani oleh Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Puan Rahilah binti Rahmat, dan Rektor Universiti Tekonologi MARA Cawangan Selangor, Yang Berbahagia, Prof Dato' Dr Abu Bakar Abdul Majeed. Perjanjian ini disaksikan oleh Yang Dihormatkan, Orang Besar Daerah Kuala Selangor, Dato' Mohamad Yaacob Bin Dato' Ismail.











Sumber : Unit Korporat dan Perhubungan Awam

## BERSAMA AMALKAN NORMA BAHARU




KEKALKAN
PENJARAKAN FIZIKAL



SENTIASA PAKAI PENUTUP
HIDUNG DAN MULUT



SENTIASA
CUCI TANGAN

# Bersama Hentikan Wabak Covid-19